



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**2 Notis Amaran dikeluarkan semasa
operasi bersepadu bulanan JPES dan SDT di Daerah Brunei-Muara**

1. Dua (2) buah premis perniagaan didapati gagal mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 semasa operasi bersepadu yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, ke atas premis-premis perniagaan di Kampong Delima Satu, Daerah Brunei-Muara.
2. Pelaksanaan operasi bersepadu secara bulanan di antara JPES dan Unit SDT bertujuan untuk meningkatkan kepatuhan peniaga ke atas Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.
3. Hasil daripada operasi bersepadu tersebut, JPES telah mengeluarkan dua (2) Notis Amaran kepada dua (2) buah premis perniagaan kerana ketidakpatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu gagal memaparkan tanda harga bagi barangan yang dijual di dalam premis perniagaan. Tiga (3) buah premis perniagaan yang diperiksa adalah juga peserta Jualan Mega Brunei 2025 dan premis-premis perniagaan tersebut didapati patuh terhadap garis panduan acara jualan murah yang telah ditetapkan.
4. Manakala, pihak Unit SDT telah mendapati sebanyak 36 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 Ceraian 3 (1) dan (2). Para penguatkuasa Unit SDT juga mendapati beberapa buah premis perniagaan tidak mempamerkan tanda berat bersih ke atas produk-produk berbungkus seperti gula, beras dan makanan kering. Pihak pengurusan dan pekerja-pekerja pembungkus telah dikongsikan tatacara membungkus dan menimbang dengan betul.

5. Kegagalan dalam mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh dikenakan kompaun tidak melebihi \$1,000 dan bagi kesalahan berulang akan dikenakan denda maksimum sebanyak \$20,000 dan penjara selama 5 tahun. Manakala, kesalahan di bawah Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 boleh membawa kepada hukuman denda sebanyak \$1,000 atau penjara selama 3 bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang tersebut boleh dirampas.
6. Oleh itu, peniaga diingatkan untuk sentiasa peka dan mematuhi undang-undang yang sedia ada dalam membantu Negara membangunkan persekitaran perniagaan yang berdaya tahan dan mampan dengan menjalankan perniagaan yang wajar dan beretika iaitu memastikan barangan yang dijual tidak melebihi harga maksimum yang ditetapkan, memaparkan tanda harga jelas dan tidak menggelirukan. Selain itu, peniaga juga dinasihatkan untuk memastikan semua alat-alat sukat dan timbang yang digunakan untuk tujuan perdagangan atau perniagaan hendaklah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT.
7. Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut:
 - i. Akta Kawalan Harga, Penggal 142 : Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123, aplikasi PenggunaBijak dan e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn; dan
 - ii. Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 : Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui emel sdt@mofe.gov.bn.

#####

Disediakan oleh:
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : ()JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Tarikh : Ramadhan 1446 / Mac 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**2 Warning Notices were issued during
the monthly joint operation DEPS and SDT in Brunei-Muara District**

1. Two (2) business premises were found to have violated the Price Control Act, Chapter 142 during a recent monthly joint operation conducted by the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs and the Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE) under the Ministry of Finance and Economy, on business premises in Kampong Delima Satu, Brunei-Muara District.
2. The monthly joint operation by DEPS and SDT Unit aims to ensure businesses' compliance with the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations, as well as the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151.
3. Following the joint operation, DEPS has issued two (2) Warning Notices to two (2) business premises for non-compliance with the Price Control Act, Chapter 142, specifically for failure to display prices on some of the items sold in the business premises. In addition, three (3) of the inspected business premises are participants of Brunei Mega Sales 2025 and were found to be compliant with the prescribed sales conditions.
4. Meanwhile, the SDT Unit found 36 units of weighing machines being used for trading purposes. All weighing machines were verified, accurate and registered in accordance with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 dan Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 Chapter 3 (1) and (2). SDT officers also found that several retail stores did not display net weight on packaged products such as sugar, rice and dry food. SDT officers have shared the proper and correct practices regarding packing and weighing procedures to the management and staff responsible for packing.

5. Failure to comply with the Price Control Act, Chapter 142 can be subject to a compound not exceeding \$1,000, and a maximum fine of \$20,000 and 5-year imprisonment for repeated offences. Offences under the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 can lead to a fine of \$1,000, or imprisonment for 3 months, or both, and the said weights and measures tool/equipment can be confiscated.
6. Businesses are reminded to remain vigilant and adhere to existing laws, contributing to the development of a resilient and sustainable business environment through fair and ethical business practices. This includes ensuring that the goods sold do not exceed the maximum price set and prices are displayed clearly and not misleading. In addition, businesses are advised to ensure that all weight and measurement equipment used for trade purposes is valid, accurate, and registered with SDT Unit.
7. Any inquiries can be reported to the following official channels:
 - i. Price Control Act, Chapter 142 : Department of Consumer Affairs, DEPS through Talian Darussalam 123, PenggunaBijak mobile application and email consumercomplaint@jpes.gov.bn; and
 - ii. Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 : SDT, IBE through email sdt@mofe.gov.bn.

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : ()JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Date : Ramadhan 1446 / March 2025